

21/08/2000

MB mahu nilai prestasi sebelum rombak Exco

Minarni Mat Saad

TANJUNG KARANG, Ahad - Menteri Besar Selangor yang baru Dr Mohamad Khir Toyo akan menilai prestasi perkhidmatan 10 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) sedia ada sebelum memutuskan untuk membuat rombakan.

Beliau berkata, penilaian prestasi itu akan dibuat berdasarkan pandangan dan laporan daripada semua pihak, termasuk Ketua Jabatan dan pegawai kanan kerajaan negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dan masyarakat secara keseluruhan.

"Saya juga akan meminta nasihat dan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pengerusi Perhubungan Umno Negeri, Tan Sri Muhammad Muhd Taib sebelum membuat sebarang rombakan," katanya ketika ditemui di kediamannya di Taman Ria Jaya, Sekinchan, dekat sini, petang tadi.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan menukar portfolio sedia ada, termasuk menambah yang baru dalam usaha memastikan pentadbiran kerajaan negeri berjalan licin dan berkesan. Selain itu, katanya, Exco akan diminta mengisytiharkan harta masing-masing mulai Khamis ini, selepas selesai upacara mengangkat sumpah dan penerimaan watak Menteri Besar.

Mohd Khir yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Panjang dilantik menggantikan Datuk Seri Abu Hassan Omar pada 18 Ogos lalu, berkata tindakan meminta semua Exco berbuat demikian bagi memastikan setiap Exco tidak menyembunyikan sebarang aset atau kepentingan lain.

"Langkah ini untuk memastikan kepimpinan kerajaan negeri telus dan dipercayai masyarakat," katanya sambil menambah, pengisytiharan itu prosedur biasa yang perlu dilakukan oleh mana-mana Exco dan ia sudah dilaksanakan oleh Menteri Besar Selangor terdahulu.

Sementara itu, petang tadi Dr Mohd Khir turut mengunjungi 100 bekas ahli Pas yang akan kembali ke pangkuan Umno, sekali gus menubuhkan sebuah cawangan baru di Batu 10, Parit 18, Sungai Panjang.

Ketua kumpulan berkenaan, Amin Raden, berkata kebanyakan bekas ahli Pas terbabit menyertai parti pembangkang itu tahun lalu tetapi sedar perjuangan mereka tidak ke mana.

"Dengan pelantikan anak jati Sungai Panjang sebagai Menteri Besar, ia umpama satu suntikan yang menyedarkan kami hanya Umno dapat membawa kemajuan dan pembangunan di daerah ini," katanya.

(END)